

KEBANGKITAN RONALDO

Cristiano Ronaldo dos Santos Aveiro dilahirkan pada 5 Februari 1985 di Funchal, Madeira (Portugal).

Beliau memulakan kerjaya profesional sebagai pemain bola sepak bersama Sporting Lisbon dan menikmati peningkatan mendadak sehingga menarik perhatian kelab-kelab utama di Eropah.

Bermula se bagai pemain junior di kelab Andorinha dan CD Nacional, beliau menyertai Sporting Lisbon pada 2003 dan namanya terus mekar sejak bermain dengan Portugal.





Pada 2003, beliau menarik perhatian para pemain Manchester United dalam satu perlawanan persahabatan. Mereka begitu terpegun dengan bakatnya dan terus menggesa pengurus United ketika itu, Alex Ferguson, untuk mendapatkan khidmatnya.

Dibeli dengan bayaran perpindahan 15 juta euro (\$26 juta), namanya kian dikenali ramai apabila beliau mengambil alih jersi No 7 David Beckham dan mendapat julukan CR7.

Selepas mencatat pelbagai kejayaan bersama United, termasuk memenangi anugerah Ballon d'Or pertamanya dalam 2008, beliau berpindah ke Real Madrid

Ronaldo kini dikatakan menikmati gaji lumayan sebanyak 12 juta euro setahun dan menjadi pemain bola sepak pertama mencatat 50 juta 'like' di laman Facebooknya.

KEJAYAAN DALAM 2013

-  **34 gol** dalam La Liga Sepanyol (musim 2012-2013)
-  **20 gol** setakat ini dalam La Liga Sepanyol (musim 2013-2014)
-  **9 gol** dalam perlawanan peringkat kumpulan Liga Juara-Juara (rekod)
-  **3 gol** bagi Portugal ketika menewaskan Sweden dalam perlawanan penentuan Piala Dunia

BIODATA

Nama: Cristiano Ronaldo dos Santos Aveiro
Tarikh lahir: 5-2-1985
Tempat: Funchal, Madeira (Portugal)
Berat: 80kg
Tinggi: 1.85m



BALLON D'OR

2008

2013

KELAB

Sporting Lisbon (Portugal)

2002-2003

Manchester United (England)

2003-2009

Real Madrid

2009-

NEGARA

Portugal, kapten

109

kemunculan

47

gol



PENCAPAIAN

-  Juara Liga Juara-Juara (2008)
-  Liga Perdana England (2007, 2008, 2009)
-  Piala FA England (2004)
-  Piala Liga England (2006, 2009)
-  Pemenang Perisai Masyarakat (2007, 2008)
-  Juara La Liga Sepanyol (2012)
-  Juara Piala raja Sepanyol (2011)
-  Juara Piala Super Sepanyol (2012)
-  Juara Piala Super Portugal (2002)
-  Juara Piala Dunia Kelab (2008)